

23 OCT 2002

INDIA-PROTON/I

ANDHRA PRADESH BERMINAT HIDUPKAN SEMULA PROJEK KERETA PROTON

NEW DELHI, Oct 23 (Bernama) -- Cadangan Malaysia untuk mendirikan kilang-kilang bagi pengeluaran kereta Proton akan disambut baik oleh Negeri Andhra Pradesh yang terletak di Selatan India, jika projek itu dihidupkan semula.

Andhra Pradesh berminat untuk menyambung semula cadangan yang pernah dibuat oleh Malaysia sebelum ini untuk mengeluarkan kereta Proton di Visakhapatnam, demikian menurut akhbar kewangan, "Business Standard" yang memetik kenyataan pegawai-pegawai kerajaan negeri itu.

Isu tersebut timbul apabila Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, singgah sehari di bandaraya itu minggu lalu dalam perjalanan beliau ke New Delhi untuk menghadiri Sidang Kemuncak Perniagaan India-ASEAN.

Dr Mahathir dilaporkan oleh akhbar itu sebagai berkata bahawa cadangan kerajaannya untuk mendirikan kilang Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), pengeluar kereta kegemaran ramai Proton, akan dikaji semula sekembali beliau ke Malaysia.

Perdana Menteri berkata bahawa Andhra Pradesh mempunyai ramai penduduk kelas pertengahan berada, yang sukakan pelbagai jenis kereta penumpang.

"Tidak ada sebab Proton tidak boleh menjadi salah satu daripada pilihan mereka. Cadangan kita terdahulu untuk mendirikan kilang Proton di India menghadapi sedikit masalah. Bila saya balik nanti, saya akan mengkaji perkara ini dan ambil keputusan sewajarnya," beliau dipetik sebagai berkata, sepertimana laporan berita dari Hyderabad yang disiarkan oleh akhbar itu.

Malaysia mengutarakan cadangan itu pada pertengahan tahun-tahun 1990-an, lama sebelum syarikat-syarikat besar barat dan Jepun mendirikan kilang mereka di sini. Ia mahu menempatkan saingan kepada Maruti 800 di India.

Tiga tempat telah dipilih bagi menubuhkan kilang-kilang itu: Chandigarh, Visakhapatnam dan Chennai.

Dalam lawatan beliau ke Malaysia pada tahun 1997, Ketua Menteri Andhra Pradesh, N Chandrababu Naik, meminta supaya kilang itu didirikan di Visakhapatnam, sambil menjanjikan segala kemudahan, termasuk peruntukan tanah percuma.

Berikutan itu, satu pasukan teknikal melawat ketiga-tuga tapak tersebut pada tahun 1997. Visakhapatnam hampir dikenal pasti sebagai tempat untuk mendirikan kilang tersebut dan tiga daripada model Proton, iaitu Iswara 1.3, Iswara 1.5 dan Wira 1.5 tiba di Hyderabad bagi ujian jalanraya dalam cuaca dan keadaan setempat, kata laporan itu. -- BERNAMA

MP FR KY AA